

**DAP gesa BN contohi Pulau Pinang beri peruntukan kepada pembangkang
Malaysian Insider
Sept 23 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Tindakan kerajaan negeri Pulau Pinang memberikan peruntukan RM40,000 setahun kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) pembangkang dari Umno membuktikan kerajaan negeri tidak bermain politik dan serius dalam usaha pendamaian nasional yang tidak pernah diamalkan oleh kerajaan persekutuan, menurut Ahli Parlimen DAP Steven Sim dan Zairil Khir Johari (gambar).

Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan Bukit Bendera itu berkata, usaha ini patut dicontohi setiap kerajaan negeri di Malaysia dan sudah pasti oleh kerajaan persekutuan kerana tindakan tersebut jelas merupakan satu langkah besar ke hadapan untuk mewujudkan sebuah demokrasi matang di Malaysia

"Pada tahun ini, sejumlah RM185.5 juta telah diperuntukkan kepada semua 222 kawasan parlimen. Jumlah ini bersamaan dengan lebih kurang RM835,000 setiap kawasan. Malangnya, ahli parlimen pembangkang langsung tidak diberi kuasa untuk mengurus ataupun meluluskan sebarang projek menggunakan peruntukan tersebut.

"Jelas, tindakan ini merupakan diskriminasi terhadap ahli parlimen pembangkang dan pencabulan terhadap prinsip demokrasi. Ia juga boleh dilihat sebagai menghina rakyat di kawasan pembangkang.

"Kami menggesa kerajaan persekutuan terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk mengikut jejak langkah kerajaan negeri Pulau Pinang dan memberikan peruntukan tahunan kepada ahli parlimen pembangkang agar kami dapat melaksanakan kewajiban sebagai wakil rakyat yang dipilih secara sah," kata mereka dalam satu kenyataan media hari ini.

Mereka berharap Perdana Menteri akan mengambil peluang ini untuk bertindak secara berhemah dan membelakangkan kepentingan politik sempit demi mencapai kematangan proses demokrasi di Malaysia.

Semalam, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng mengumumkan semua Adun negeri tersebut, termasuk 10 orang Adun dari Umno akan diberikan peruntukan sebanyak RM40,000 setahun untuk projek pembangunan kecil mulai 2014.

Menurut Lim, keputusan itu telah dibincangkan dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri itu pada Rabu dan telah diluluskan secara prinsip.

Katanya, Pakatan Rakyat (PR) mengamalkan sikap terbuka menghormati prinsip semangat demokrasi yang bertindak adil kepada semua bangsa dan agama tanpa diskriminasi di antara penyokong Barisan Nasional dan PR. – 23 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-bn-contohi-pulau-pinang-beri-peruntukan-kepada-pembangkang>

